

## **Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan**

### ***Crisis and Cooperation of Political Parties: A Case Study in the Area of State Legislative Assembly Constituency of Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan***

Nurul Fatimah Mohd Shahir  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

e-mail koresponden: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

*Krisis politik berlaku menyebabkan adanya perubahan kerajaan sama ada di peringkat pusat dan negeri yang membawa kepada perpecahan. Perpecahan ini bukan sahaja berlaku akibat daripada perbezaan politik, tetapi termasuk persaingan dalam mendapatkan pengaruh serta persaingan mengaut kekayaan ekonomi negara. Malaysia kini masih lagi berhadapan dengan krisis dalaman dan kerjasama antara parti politik. Parti politik wajar membuat persepakatan kerjasama dalam membentuk sebuah kerajaan perpaduan yang utuh. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis krisis dan kerjasama parti politik di kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan kepada soal selidik, temu bual, pemerhatian lapangan, kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Teknik penganalisan data dilakukan menerusi perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25. Hasil kajian mendapati 94 peratus responden setuju bahawa berlakunya perebutan jawatan dalam parti politik serta ego dan merasa diri lebih hebat daripada orang lain. Seterusnya, 88 peratus responden menyatakan persetujuan membentuk kesatuan ummah Melayu dan Islam menjadi faktor utama dalam pembentukan kerjasama politik parti politik. Di samping itu, 96 peratus responden bersetuju bahawa wujud imej buruk oleh pengundi terhadap parti politik hasil daripada impak krisis dalaman. Kesimpulannya, kajian ini memberi kepentingan terhadap ilmu pengetahuan, data berkaitan kajian politik pilihan raya dan menjadi rujukan kepada parti politik dalam meneliti isu dan permasalahan yang berlaku.*

**Kata kunci:** *kerjasama politik, krisis dalaman politik, parti politik, pemimpin, pilihan raya*

#### **ABSTRACT**

*The political crisis resulted in a change of government at both the central and state levels which led to disunity. This division not only occurs as a result of political differences, but also includes competition for influence as well as competition for the country's economic wealth. Malaysia is still facing an internal crisis and cooperation between political parties. Political parties should make a cooperation agreement in forming a strong unity government. Therefore, it is the purpose of writing this paper to analyze the crisis and cooperation of political parties in the Tanjong Mas state legislative assembly constituency, Kota Bharu, Kelantan. This study uses data collection methods based on questionnaires, interviews, field observations, library research and online research. The data analysis technique was done through Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25. The study found that 94 percent of respondents agreed that there is a fight*

*for positions in political parties and ego and feel superior to others. Furthermore, 88 percent of the respondents stated that the agreement to form a union of the Malay and Muslim ummah was a major factor in the formation of political cooperation between political parties. In addition, 96 percent of respondents agreed that there was a bad image by voters towards political parties as a result of the impact of the internal crisis. In conclusion, this study gives importance to knowledge, data related to the study of election politics and is a reference to political parties in examining the issues and problems that occur.*

**Keywords:** *political cooperation, internal political crisis, political parties, leaders, elections*

## 1. Pengenalan

Perpaduan politik Melayu yang telah dijalinkan telah digugat dan dapat dilihat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. PRU-14 telah mencatat sejarah dalam politik kepartian di Malaysia iaitu buat pertama kalinya selepas negara mencapai kemerdekaan, tampuk kekuasaan negara diambil alih oleh satu kuasa gabungan baru iaitu Pakatan Harapan (PH). Malaysia mempraktikkan kerjasama antara parti politik di bawah Perikatan bermulanya tahun 1950 (Ayuni 2021). Istilah kerjasama politik merujuk kepada kerjasama yang melibatkan dua parti politik atau lebih untuk mencapai sesuatu matlamat. Politik dan pilihan raya Kelantan sering kali dianggap umum sebagai sebuah fenomena politik yang unik. Dari aspek politik negeri Kelantan sering dianggap unik jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung Malaysia. Hal ini kerana Kelantan telah beberapa kali mengalami pertukaran pemerintahannya antara Parti Islam SeMalaysia (PAS) dengan Barisan Nasional (BN).

Bermula dari PRU 1990 ke PRU 2018 dilihat ramai pengundi di Kelantan berterusan mengundi PAS. Amer Saifude (2015) menyatakan bahawa rakyat Kelantan mempunyai tahap keberanian politik yang tinggi apabila menolak Kerajaan Perikatan yang menguasai Kerajaan Persekutuan selepas pilihan raya tahun 1955. Penolakan ini berterusan bermula pilihan raya 1990 sehingga sekarang, rakyat Kelantan masih mengekalkan PAS sebagai parti pemerintah peringkat negeri. Kini sudah hampir 3 dekad PAS membina legasi politik dan pentadbiran mereka di Kelantan dan dari satu PRU ke satu PRU, PAS Kelantan tak pernah goyah dalam mendapat keyakinan dan undi daripada rakyat walaupun mengalami isu kemunduran dalam pembangunan berbanding negeri lain. Ideologi dan pendekatan secara Islamik yang digunakan oleh PAS seperti PAS membawa perjuangan Islam sejati, undi PAS masuk syurga dan macam-macam lagi seolah-olah sudah sehati dalam jiwa rakyat Kelantan menyebabkan pelbagai percubaan dilakukan oleh UMNO untuk merampas kembali Kelantan daripada PAS bermula pada PRU-8 hinggalah PRU-14 tidak berhasil. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis krisis dan kerjasama dalam parti politik di kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan.

## 2. Sorotan Literatur

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, Yulia (2008) dalam kajian “Analisis dan rekomendasi Kebijakan mengenai Papua” menyatakan konflik memfokuskan pada dinamika konflik dan masalah yang berlaku dalam tempoh pasca-Otsus (Autonomi Khas) selepas tahun 2001 di Papua. Sumber sosial, budaya dan semula jadi di Papua bertentangan dengan tahap keselamatan manusia. Pelaksanaan autonomi khas telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan kepercayaan yang ditunjukkan oleh kerajaan pusat. Tempoh pasca-Otsus masih diwarnai oleh kehadirannya aduan, kedamaian negatif, masalah berkaitan dengan perwakilan, dasar yang tidak sesuai dengan budaya tempatan, pengekstrakan sumber semula jadi yang tidak seimbang, pendekatan keselamatan, tahap

modal sosial yang rendah, anomi masyarakat dalam perubahan sosial, polarisasi yang boleh menyebabkan konflik dan perbezaan antara kumpulan masyarakat.

Azhar, Jayum & Azmi (2012) dalam kajian “Konflik selatan Thailand Pasca Thaksin Shinawatra” menjelaskan rampasan kuasa oleh pihak tentera pada tahun 2006 tidak membawa sebarang perubahan drastik terhadap konflik dan keganasan yang tercetus di wilayah selatan Thailand. Peralihan kuasa kepada Abhisit Vejjajiya pada 2009 juga kurang meredakan konflik dan aktiviti keganasan di selatan Thailand meskipun beliau mengambil pelbagai langkah untuk mengatasinya. Hasil dapatan, pengkaji menjelaskan elemen penting yang meredakan keganasan dan ketegangan penduduk di wilayah tersebut ialah dengan memberi kuasa autonomi kepada penduduk Melayu Islam.

Junaidi (2021) dalam kajian yang bertajuk “Keterlibatan Amerika Syarikat dalam demonstrasi pro demokrasi di Hong Kong” menjelaskan sebab Amerika Syarikat terlibat dalam demonstrasi pro-demokrasi di Hong Kong pada tahun 2019. Sebab ini dianalisis menggunakan konsep Liberal Teori Intervensionisme dan Neorealisme. Hasil menunjukkan bahawa sokongan Amerika Syarikat demonstrasi prodemokrasi di Hong Kong kerana komitmen berdasarkan prinsip negara liberal dengan tadbir urus yang baik untuk menegakkan demokrasi dan hak asasi manusia di seluruh dunia dan ini dinyatakan dalam pelbagai dasar termasuk dasar khusus yang mengawal hubungannya dengan Hong Kong, iaitu Akta Dasar HK 1992.

Selain itu, kajian politik pilihan raya dalam negara oleh Mat Zin (2011) dalam kajian “Sumbangan Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-12: relevansi politik” menjelaskan Sabah memberi sumbangan ke atas kemenangan BN (Barisan Nasional) dalam Pilihan Raya ke-12 yang sekali gus membuktikan politik pembangunan adalah fenomena yang masih relevan dalam konteks Malaysia sehingga ke hari ini. Banyak pihak melihat politik pembangunan dari perspektif yang negatif dan mereka menganggap ini sebagai projek pilihan raya. Pembangunan yang dijanjikan menyebabkan budaya pengundian masyarakat Bumiputera Islam, Bukan Bumiputera Islam yang kebanyakannya tinggal di desa dan pinggir bandar dan juga di bandar mengenang budi kerajaan pemerintah kerana atas kefahaman politik pembangunan itu telah memberi kesejahteraan kepada mereka walaupun dalam keadaan yang berperingkat-peringkat.

Mohd Fuad et al. (2012) dalam penulisan yang bertajuk “Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak” menyatakan pembangunan merupakan aspek penting dalam kemajuan sosioekonomi sesuatu kawasan, terutamanya di kawasan yang masih belum membangun di kawasan pedalaman. Politik pembangunan dapat diterjemahkan melalui projek pembangunan yang memberi faedah yang tersirat kepada rakyat antaranya ialah meningkatkan pendapatan rakyat, menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan peluang perniagaan, menaikkan taraf ekonomi rakyat dan juga pelbagai lagi faedah yang bakal diterima oleh rakyat sekiranya pembangunan berada di kawasan mereka.

Junaidi & Mohd Fuad (2015) dalam kajiannya bertajuk “Pengaruh media terhadap pilihan parti politik dalam kalangan mahasiswa universiti awam di Lembah Klang” bertujuan menunjukkan penggunaan media massa yang merangkumi media cetak, media elektronik dan media alternatif dalam dunia politik tempatan mahupun antarabangsa telah mewujudkan satu suasana yang baru dalam pembentukan sikap dan pandangan terhadap politik tempatan mahupun dunia. Secara keseluruhannya, golongan pengundi partisan dan golongan yang berpendidikan serta berpendapatan sederhana dan rendah lebih mudah terpengaruh dengan medium geopolitik popular terhadap partisipasi, persepsi dan sokongan kepada parti politik. Elemen grafik, audiovisual serta ayat dan kata yang bersifat memujuk, memerli dan dapat menaikkan semangat seseorang individu telah berjaya menarik minat seterusnya mempengaruhi persepsi dan pilihan politik masyarakat massa.

Seterusnya, kajian politik di negeri Kelantan oleh Mohammad Agus (1994) dalam buku yang bertajuk “Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990” menjelaskan bahawa terdapat cabaran pemerintahan PAS-APU di Kelantan selepas PRU 1990, antaranya adalah hubungan antara PAS-Semangat 46, pengekalan dan pemeliharaan aset peninggalan Kerajaan BN, budaya hidup generasi muda Kelantan, pengurusan sumber asli Kelantan dan peranan masyarakat Kelantan di perantauan.

Menurut Samsiyah (1996), tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi PRU 1986, 1990 dan 1995 di Kelantan menunjukkan bahawa pendapat, sikap, dan tindak balas antara individu adalah berbeza. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang. Wan Imran (1996) dalam buku yang bertajuk “Krisis Politik Kelantan: Siapa Salah? Sultan? Semangat 46? atau PAS?” menjelaskan bahawa pembubaran Parti Melayu Semangat 46 untuk menyertai UMNO adalah untuk penyatuan Melayu demi mempertahankan hak dan ketuanan Melayu.

Hassan (1999) dalam kajiannya menyatakan peratusan undi yang diperoleh dan dicapai oleh BN dan juga PAS sejak PRU 1955 hingga 1995. Penulis menerangkan bagaimana dan faktor-faktor yang mempengaruhi undi antara BN dan PAS. Antaranya ialah faktor dalam sama ada dari BN ataupun PAS itu sendiri. Penulis juga menyatakan pengaruh Ku Li masih kuat di Kelantan sambil menyatakan Ku Li memang mempengaruhi senario politik Kelantan. Selain itu, penulis juga menerangkan bagaimana kedudukan ekonomi Kelantan pada masa kini. Perkara yang paling utama yang beliau nyatakan ialah dengan menunjukkan serta memaparkan data-data yang menunjukkan Kelantan sedang ‘tergelongsor’ menjadi semakin ketinggalan daripada negeri-negeri lain.

Chua (2000) dalam kajian geopolitik peranakan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan mendapati faktor yang menyebabkan golongan Cina Peranakan menyokong atau menolak sesebuah parti politik bergantung kepada tahap kemampuan parti politik memberi keuntungan kepada mereka. Majoriti mereka lebih cenderung untuk tidak terlibat dalam mana-mana parti politik namun tidak bermakna mereka menolak parti politik secara total. Bagi yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan mampu dari segi kewangan untuk menceburkan diri dalam politik, mereka juga mempunyai kecenderungan untuk terlibat dalam parti politik.

### **3. Metodologi**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan menerusi edaran soal selidik, temu bual dan pemerhatian lapangan. Bagi mendapatkan maklumat daripada 50 orang responden, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 25 orang responden di kawasan bandar iaitu Daerah Mengundi Paya Bemban dan 25 orang responden di kawasan luar bandar iaitu Daerah Mengundi Tanjong Chat. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik berkenaan adalah berbentuk terbuka dan tertutup.

Selain itu, kaedah temu bual dilakukan bagi memperoleh maklumbalas daripada setiap informan mengenai kajian yang dijalankan. Bentuk soalan temu bual yang disediakan adalah berbentuk terbuka serta memerlukan pendapat daripada informan. Pemilihan informan ini berdasarkan penglibatan aktif informan dalam politik di DUN Tanjong Mas, Parlimen Kota Bharu. Menerusi temu bual ini, pengkaji telah menemu bual tiga orang informan ahli politik yang terdiri daripada PAS, UMNO dan PKR.

Seterusnya, kaedah pemerhatian di lapangan merupakan teknik penyelidikan yang paling kerap digunakan oleh para pengkaji. Pemerhatian lapangan yang digunakan adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian temu bual. Melalui kaedah pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah

yang telah dikenal pasti. Pemerhatian yang dilakukan adalah berdasarkan perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian.

Pengkaji turut melakukan rujukan terhadap data statistik kaum dan *score sheet* keputusan PRU 2018 bagi kawasan kajian. Hal ini bertujuan untuk menganalisis jumlah pemilih yang berdaftar dan untuk menganalisis pola sokongan pengundi di kawasan kajian. Data statistik dan *score sheet* keputusan ini diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya sendiri bagi menjamin kesahihan data. *Score sheet* keputusan PRU digunakan untuk memperlihatkan butiran pemilih yang lengkap seperti undi awal, undi biasa dan bilangan undian oleh pemilih bagi setiap orang calon yang bertanding selain turut mengasingkan data berdasarkan saluran mengundi dan daerah mengundi. Ini memudahkan pengkaji untuk menganalisis data bagi kawasan DUN yang dikaji.

Di samping itu, pengumpulan data sekunder boleh didapati daripada sumber bertulis dan sumber yang sedia ada daripada terbitan kerajaan ataupun agensi tertentu. Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan merupakan tempat paling utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal, kertas seminar, laporan bulanan dan tahunan kerajaan yang telah disediakan.


Pengkaji mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian politik yang dilakukan. Kajian internet ini mampu mendapatkan data dan maklumat tambahan yang boleh digunakan dalam membantu menyiapkan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji mencari artikel berkaitan dengan kajian melalui laman/portal *web*, *whatsapp*, *youtube*, *facebook*, *twitter*, *instagram*, *blog* dan sebagainya. Pengkaji turut membuat pembacaan dan rujukan lain seperti *Google Scholar*, *e-Journal*, *Geografia Online* dan lain-lain.

### **3.2 Analisis Data**

Dalam proses menganalisis data, pengkaji menggunakan perisian *Statistics Package for Social Science* (SPSS) bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan daripada 50 borang soal selidik yang telah diedarkan. SPSS adalah satu alat yang mempunyai beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khusus untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang dengan cepat dan cekap dan mudah difahami oleh pembaca. Bagi data temu bual pula, proses menemu bual responden akan dirakam dalam bentuk audio. Rakaman tersebut akan ditranskripsikan ke dalam bentuk teks sebagai transkripsi teks dalam bentuk loghat yang dituturkan.

### **3.3 Kawasan Kajian**

Tanjong Mas merupakan sebuah bandar dan mukim di daerah Panji, Kota Bharu, Kelantan. Mukim lain di daerah Panji ialah Pauh, Tapang, Chekok, Bayam, Telok, Padang Garong, Beting, Tanjung Chat, Baung dan Pengkalan Nangka. Terdapat sebanyak 131 mukim kesemuanya di jajahan Kota Bharu (Pusat Internet Tanjong Mas 2021). Tanjong Mas merupakan pekan yang berhampiran dengan Bandar Kota Bharu. Penduduknya tidak perlu ke bandar untuk mendapatkan kemudahan serta keperluan harian kerana terdapat pelbagai kemudahan dan perkhidmatan seperti kesihatan, perbankan dan keperluan harian yang telah disediakan di Tanjong Mas. Selain itu, kemudahan jalan raya berturap memudahkan lagi pergerakan mereka dari satu tempat ke tempat yang lain untuk menyelesaikan pelbagai urusan dan mendapatkan keperluan harian. DUN Tanjong Mas terdiri daripada 10 kawasan Daerah Mengundi (Rujuk Rajah 1).



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan

Sumber: Diubahsuai dan dipetik daripada Pelan Warta P.021 Kota Bharu, SPR, 2018

Jumlah pemilih yang mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Persekutuan PRU-14 bagi DUN Tanjong Mas adalah seramai 32,325 orang. Bilangan pemilih yang mengundi mengikut kawasan Daerah Mengundi adalah Wakaf Mek Zainab seramai 3,741 orang, Tanjong Chat 982 orang, Sungai Keladi 1,462 orang, Kok Pasir 2,699 orang, Khatib Ali 3,986 orang, Tanjong Mas 3,987 orang, Cherang 4,084 orang, Kampung Bayam 2,826, Langgar 2,630 dan Paya Bemban 2,287 orang.

Jantina lelaki bagi pemilih DUN Tanjong Mas adalah seramai 15,720 orang bersamaan 48.63 peratus dan perempuan adalah seramai 16,605 orang bersamaan 51.37 peratus. Jumlah dan peratusan mengikut kaum bagi kaum Melayu terdiri daripada 30,001 orang bersamaan 92.81 peratus, 2,030 orang bersamaan 6.28 peratus, India 116 orang bersamaan 0.36 peratus, Bumiputera Sabah seramai 12 orang bersamaan 0.04 peratus, Bumiputera Sarawak 13 orang mewakili 0.04 peratus dan kaum lain seramai 153 orang bersamaan 0.47 peratus. Statistik umur bagi DUN Tanjong Mas bagi lingkungan pengundi 21-29 tahun seramai 8,250 orang bersamaan 25.52 peratus. Bagi golongan pengundi berumur 30-39 tahun adalah seramai 9,149 orang bersamaan 28.30 peratus, golongan umur 40-49 tahun seramai 5,410 orang bersamaan 16.74 peratus. Bagi golongan pengundi berumur 50-59 tahun mempunyai 4,849 orang bersamaan 15 peratus, golongan pengundi berumur 60-69 tahun pula seramai 3,016 orang dengan 9.33 peratus, golongan pengundi berumur 70-79 seramai 1,263 orang dengan 3.91 peratus, golongan berumur 80-89 tahun seramai 355 orang dengan 1.04 peratus dan pengundi berumur 90 tahun keatas seramai 53 orang dengan 0.16 peratus.

#### 4. **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu 'Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN

Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan'. Objektif berkenaan penting bagi mengkaji faktor serta impak krisis dan kerjasama politik yang berlakunya di kawasan kajian.

#### **4.1. Krisis Dalam Parti Politik dan Faktor Pencetusnya**

##### *4.1.1 Krisis dalaman sesuatu parti politik adalah lumrah atau kebiasaan*

Campur tangan dan krisis dalaman yang berlarutan menjadikan fenomena politik di kawasan negeri Kelantan tidak pernah sunyi. Krisis dalaman dilihat menjadi asas kepada sesuatu tampuk pentadbiran. Namun begitu, krisis dalaman yang ada dilihat tidak mampu menggugat pentadbiran PAS untuk terus mentadbir. PAS telah membuktikan parti tersebut masih terus berkembang sehingga kini walaupun banyak krisis dihadapi sebelum ini. Hasil kajian mendapati bahawa 82 peratus responden bersetuju bahawa krisis dalaman parti politik ini telah menjadi lumrah dan kebiasaan dalam pentadbiran. Hal ini kerana berdasarkan kajian dilakukan, setiap parti mempunyai ideologi yang berbeza. Seperti bawah pentadbiran PAS, walaupun banyak krisis dan isu berlaku yang masih berlarutan sehingga kini kedudukannya masih tidak goyah. Ideologi pendekatan agama yang dibawanya begitu sinonim dengan jiwa rakyat Kelantan untuk terus menyokong parti ini.

Bagi temu bual bersama En. Che Mansor Adabi Che Hassan (Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Krisis itulah politik. Politik ini adalah penyelesaian isu dimano pengertian politik itu sama dengan ideologi. Ideologi disini satu pendapat yang berbezo setiap ore walaupun terdapat segelintir yang samo. Jadi disini, politik ini menjadi satu perkara atau elemen untuk menyelesaikan masalah perbezaan pendapat. Oleh itu, saya tidak bersetuju disebabkan setiap parti politik ini ado ideologi yang tersendiri. Tetapi, kalu anggap politik ini satu agama tu tak boleh. Jangan kato politik itu adalah agama sebab kalu hancur parti politik itu, maka akan hancur agama tersebut. Agama suku dan politik suku. Dalam setiap politik itu ada nilai agama itu betul.”

(En. Che Mansor Adabi Che Hassan, 24 Mac 2022)

Berbeza pendapat bagi sesi temu bual bersama En. Faizuddin Mohd Yusoff (Setiausaha PKR Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Krisis dalam parti ini biasa sebabnya mana-mana parti pun akan ada krisis dalaman. Yang membezakan adalah sama ada krisis dalaman tu dapat dikawal atau pun tidak. Dalam erti kata lain, krisis tu kita nampak secara terang-terangan ataupun secara sembunyi. Bagi saya krisis dalaman ini wajib ada bagi setiap parti sebab hanya dengan krisis itu boleh memamatkan atau membaikpulih sesuatu parti.”

(En. Faizuddin Mohd Yusoff, 23 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Ahmad Sofian Ghazi (Pegawai Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Krisis-krisis ini nok kato menjadi kebiasaan dok jugok tapi ia bergantung pado kebijaksanaan pemimpin lah dalam menangani sesuatu isu. Nok selesaikan isu tu macam mano, bilo ado sesuatu masalah. Benda ini buke satu kebiasaan dan isu yang timbul tu keno selesai dengan cepat dan cara-cara penyelesaian tu mesti tepat.”

(Ustaz Ahmad Sofian Ghazi, 29 Mac 2022)

Selain itu, 6 peratus menyatakan tidak bersetuju dengan kaitan krisis dalaman ini menjadi kebiasaan dalam politik. Hal ini disebabkan oleh krisis dalaman ini boleh dihalang daripada terus berlarutan dengan sikap tolak ansur pemimpin. Setiap parti dilihat mempunyai satu matlamat yang sama iaitu inginkan kemenangan dan membantu rakyatnya walaupun parti politik mempunyai

pendapat ideologi yang berbeza. Sikap tolak ansur ini dapat dilihat melalui jalinan hubungan yang terputus antara UMNO (BN) dengan PAS. Anas Karimi (2022) melalui siaran *Harakahdaily* menyatakan bahawa UMNO Kelantan telah membuat keputusan untuk tidak lagi bersama dengan PAS negeri tersebut menerusi Muafakat Nasional (MN) pada 22 Januari lalu disebabkan jalinan hubungan PAS bersama BERSATU dan penolakan UMNO terhadap BERSATU. Hubungan PAS dan UMNO dilihat masih lagi diselamatkan dengan kesanggupan menepikan ego masing-masing kerana memperkasakan MN dan PN adalah penting buat Islam dan negara.

#### 4.1.2 Pendapat umum mengenai pernyataan “Krisis Dalam Parti Politik”

Kepimpinan politik menjadi semakin rumit dengan adanya pergolakan krisis dalaman parti politik semakin. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa krisis yang wujud mampu memperkasa dan memberi kelemahan kepada sesuatu parti politik. Parti politik seharusnya berkongsi dan menyelesaikan masalah atas dasar kepentingan bersama iaitu penilaian semula percanggahan masalah yang timbul. Dapatan kajian bagi pendapat umum mengenai krisis dalaman parti politik dapat dilihat dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, hasil kajian mendapati pendapat umum yang paling utama mengenai krisis dalaman parti politik adalah disebabkan oleh ‘Gagal urus konflik dalaman parti politik menjadi punca berlakunya perpecahan dalaman parti politik’ dengan persetujuan sebanyak 94 peratus. Kerajaan PAS Kelantan seharusnya memanfaatkan kelebihan menjadi sebahagian kepimpinan dalam Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan segera masalah air yang sudah puluhan tahun membelenggu negeri ini. Isu masalah air ini telah berlarutan buat sekian lama namun tiada perubahan yang dilakukan. Situasi ini memberikan gambaran bahawa PAS Pusat dilihat seakan tiada tindakan dalam mengurus konflik yang berlaku dalam parti (Astro Awani 2014).

JADUAL 1. Pendapat umum mengenai pernyataan “Krisis Dalam Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Krisis Dalam Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Gagal urus konflik dalaman parti politik menjadi punca berlakunya perpecahan dalaman parti politik.	94	4	2
2.	Krisis yang berlaku ini bertitik tolak daripada sikap angkuh dan ketidakfahaman segelintir ahli politik.	90	4	6
3.	Faktor ketegangan dan isu integriti yang gagal ditangani baik mewujudkan perpecahan dalaman parti politik.	90	6	4
4.	Kegagalan dalam menunaikan janji apabila dipilih dalam pimpinan parti politik menjadi punca ketidakpercayaan ahli bawahan parti politik tersebut.	88	6	6



5.	Provokasi melibatkan media massa membawa kepada perpecahan dalaman parti politik	74	22	4
----	--	----	----	---

---

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, pernyataan ‘Krisis yang berlaku ini bertitik tolak daripada sikap angkuh dan ketidakfahaman segelintir ahli politik’ merupakan pilihan kedua tertinggi bagi pandangan krisis dalaman parti politik di Kelantan iaitu 90 peratus. Setelah PAS memerintah melebihi 30 tahun, PAS kini dilihat bersikap angkuh dan sombong bukan sahaja politik malah kepada rakyat Kelantan sendiri (Afif Basharudin 2021). Hal ini dapat dilihat melalui persetujuan pemutusan jalinan kerjasama dalam Muafakat Nasional (MN) bersama UMNO/BN apabila UMNO/BN tidak dapat menerima kehadiran BERSATU. Sikap sebegini menyebabkan isu lain turut seperti kegagalan penyelenggaraan jalan raya yang baik menyebabkan banyak kritikan dan rungutan daripada rakyat diluahkan terutamanya dalam media sosial.

Seterusnya, pendapat umum ketiga tertinggi adalah ‘Faktor ketegangan dan isu integriti yang gagal ditangani baik mewujudkan perpecahan dalaman parti politik’ iaitu 90 peratus. Isu dalaman seperti budaya lompat parti pernah melanda politik Kelantan yang akan menjejaskan nama baik kerajaan. Peristiwa ini dapat dilihat melalui tahun 1964 di mana YB Saufi Idris merupakan bekas ahli UMNO/BN yang merajuk tidak dipilih menjadi calon di N16 Kota Bharu Timur kemudiannya melompat ke PAS. Selepas menyertai PAS, beliau telah memenangi beberapa kali PRU. Pada PRU tahun 1969, sekali lagi YB Saufi Idris telah melompat parti ke parti asalnya iaitu UMNO (Mohd Hisyham 2018). Disebabkan masalah integriti ini, cadangan telah digubal berkenaan undang-undang berkait lompat parti bagi mengekang gejala lompat parti ini menjadi suatu kebiasaan mahupun permainan politik.

#### *4.1.3 Pendapat umum mengenai pernyataan “Faktor Pencetus Krisis Dalaman Parti Politik”*

Bahagian ini membincangkan faktor pencetusnya krisis dalaman parti politik yang boleh mengancam pepecahan bukan sahaja antara parti malah melibatkan ahli dalam parti politik itu sendiri. Analisis pendapat umum mengenai faktor pencetus dalaman parti politik dapat dilihat pada Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2, hasil kajian mendapati bahawa faktor ‘Ego dan merasa diri lebih hebat daripada orang lain’ merupakan persetujuan utama dalam wujudnya krisis dalaman ini iaitu 94 peratus. Politik dan agama memang tidak dapat dipisahkan. Asas ini adalah merujuk kepada kesepaduan antara Islam dan urusan pentadbiran yang ia tidak boleh dipisahkan dalam apa keadaan sekalipun. Namun begitu, kehidupan yang berdemokrasi haruslah mempunyai rasa yang rendah diri serta ingin berdamai. Contoh dapat dilihat dalam proses PAS menyertai Perikatan Nasional (PN) bersama-sama BERSATU serta dalam usahanya menyatupadukan UMNO/BN bersama BERSATU walaupun tidak berjaya. Ini membuktikan bahawa PAS inginkan persefahaman dan jalinan politik yang kukuh walaupun terdapat penolakan daripada UMNO/BN.

JADUAL 2. Pendapat umum mengenai pernyataan “Faktor Pencetus Krisis Dalaman Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Faktor Pencetus Krisis Dalaman Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Ego dan merasa diri lebih hebat daripada orang lain.	94	4	2
2.	Perebutan jawatan dalam parti politik.	94	6	0
3.	Perbezaan pendapatan antara pemimpin dan ahli	92	4	4
4.	Perebutan projek pembangunan yang boleh mendatangkan untung.	84	12	4
5.	Mempunyai agenda peribadi untuk menguasai parti.	84	12	4
6.	Isu peribadi/akhlak pemimpin	80	6	14
7.	Pembentukan kumpulan tertentu dalam parti politik.	80	10	10
8.	Ingin memegang jawatan yang lebih tinggi dalam parti politik.	80	10	10
9.	Fitnah daripada pihak tertentu	74	10	16
10.	Dianiaya rakan dalam parti politik.	70	12	18
11.	Hasutan media cetak, media elektronik dan juga media sosial	60	24	2

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, faktor ‘Perebutan jawatan dalam parti politik’ merupakan peratusan kedua tertinggi dengan 94 peratus. Kejatuhan UMNO pada 1988 menjadikan kesilapan terbesar angkara legasi perebutan kuasa dalam parti seharusnya tidak berlaku dan perlu dijadikan iktibar. Sejak 32 sehingga kini, parti UMNO melakukan pelbagai usaha untuk cuba menawan Kelantan kembali tetapi tidak berhasil. Sebagai contoh, dapat dilihat melalui peristiwa perebutan kuasa antara Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah bersama sekutunya Tan Sri Musa Hitam dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 dan 1984.

Seterusnya, faktor terdapat ‘Perbezaan pendapat antara pemimpin dan ahli’ menjadikan ia sebagai ketiga tertinggi bagi faktor pencetus krisis dalaman parti iaitu 92 peratus. Antaranya adalah konflik antara parti politik berbeza matlamat dan ideologi yang biasanya melibatkan parti pemerintah dan pembangkang. Berita Harian *Online* (2015), menyatakan bahawa di Malaysia sendiri dapat dilihat pertikaian pendapat dan perdebatan antara parti pemerintah yang membentuk Barisan Nasional (BN) dan pembangkang, sering berlaku di Parlimen dan dilanjutkan di luar Parlimen. Konflik sering berlaku membabitkan parti politik yang membentuk gabungan dalam pakatan. Pertikaian sesama parti politik dalam gabungan ini berlaku akibat mempertahankan kepentingan dan hak parti masing-masing seperti bila berlaku pembahagian kerusi pilihan raya.

#### **4.2 Faktor Kerjasama Antara Parti Politik**

Bagi mengukuhkan kuasa pentadbiran, gabungan kerjasama dan kesepakatan sangat penting bagi menjamin kedudukannya. Parti yang bersetuju membentuk gabungan ini bukan bererti parti tersebut lemah akan tetapi menjalankan tanggungjawab dengan mengurangkan kelemahan yang ada walaupun berlainan parti dan menggantikan sumbangan yang mampu memberikan keuntungan kepada jalinan kerjasama mereka.

##### *4.2.1 Kerjasama politik antara parti politik adalah penting sebagai strategi politik*

Kerjasama politik antara parti dilihat sebagai satu strategi politik yang unik. Hal ini demikian kerana Malaysia sistem negara berdemokrasi tidak hanya menumpukan kepentingan buat satu kaum sahaja. Strategi yang boleh diamalkan ini membuka ruang untuk mengenali dan memberi peluang untuk menyelesaikan masalah. Hal ini kerana setiap parti mempunyai ideologi yang berbeza.

Berdasarkan kajian dilakukan, didapati 84 peratus responden bersetuju bahawa pembentukan kerjasama adalah penting. Setiap parti mempunyai ideologi dan matlamat yang berbeza bagi mencapai sesuatu tujuan. Hal ini kerana kerjasama antara parti politik akan melengkapi dan memberikan manfaat antara satu sama lain. Bersikap terbuka dan mencari jalan pertemuan demi perdamaian dan perpaduan membolehkan negara berada dalam keadaan stabil yang mampu memberi tumpuan kepada pembangunan negeri. Dewi Nur Harasha (2020) menyatakan kerjasama UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) tidak kukuh sekalipun bersama dalam Perikatan Nasional (PN) berikutan ia hanya kerjasama politik dan bukan parti berdaftar.

Berdasarkan temu bual bersama En. Che Mansor Adabi Che Hassan (Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Betul, politik ni ia sebenarnya berkaitan dengan dasar dan matlamat sendiri. Setiap parti ado matlamat samo dan cumo berbeza pado dasar sajo. Kalu parti bergabung dan dasar tu disatukan untuk memudahkan dan capai matlamat adalah lebih baik. Matlamat parti ini samo untuk bantu rakyat tapi bukan hanyo tumpu pado agama sajo. Parti PAS, dio menggunakan ideologi agama tapi tak buat banyok bendo pun. Banyak menfokuskan kepada Islam, hukum halal dan haram. Agama adalah perbuatan dimana kita wajib lakukan. Contoh PAS, telah memerintah kerajaan selamo lebih 30 tahun doh. PAS guno ideologi agama, jadi program-program yang dijanjikan tu mesti diwujudkan. Sebagai contoh, program serambi Mekah perlu wujud lebih banyak pusat pengajian Islam dan aktiviti kerohanian. Kini, kawasan Dataran Cheng-Ho, untuk masyarakat Cina tapi di sebalik nama tempat tu menjadi satu blok bagi masyarakat Cina untuk melakukan aktiviti keagamaan mereka.”

(En. Che Mansor Adabi Che Hassan, 24 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual bersama En. Faizuddin Mohd Yusoff (Setiausaha PKR Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Saya bersetuju dengan kerjasama politik. Kalau tengok politik zaman sekarang dengan zaman dulu amat berbeza kalau dibanding 15 tahun, 20 tahun dulu. Ini sebab PRU-14 haritu boleh dah merubah demografi politik. Jadi politik sebenarnya perlu ada kerjasama antara satu sama lain seperti gabungan parti A,B,C seperti PAS dan BERSATU. Hal ini disebabkan parti sekarang dah tak boleh bergerak secara sendiri kalau tujuan mereka untuk mentadbir Malaysia. Tak boleh bergerak secara *solid* atau tunggal, harus bergabung.”

(En. Faizuddin Mohd Yusoff, 23 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Ahmad Sofian Ghazi (Pegawai Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Kerjasama politik antaro samo parti ni sebenarnya benda ni kalau kito rujuk zaman sekarang ni selain pado UMNO, Barisan Nasional (BN) yang memerintah Malaysia ni sudah ada pakatan dalam gabungan BN sendiri seperti MIC dan MCA untuk memerintah. Tapi bagi parti pembangkang ni belum ado lagi. Sebab tu dari segi pembangkang tu perlu ado pakatan dio sendiri, sebab bilo ado pakatan tu dicampur pulok dengan isu-isu hok rakyat boleh bagi sokongan pulok. Untuk harap kepada keahlian parti sendiri tu memey tok mampu lagi la untuk mentadbir kecuali dapat undian undian tinggi dari pengundi atas pagar.”

(Ustaz Ahmad Sofian Ghazi, 29 Mac 2022)

Hasil daripada temu bual ini, boleh dikatakan bahawa jika berlakunya penggabungan parti melalui kerjasama, parti perlu saling menghormati dasar dan prinsip serta membenarkan setiap parti mempertahankan kepentingan dasar utama mereka selain menerima dan bertukar pandangan serta mempunyai asas kepercayaan sama. Hal ini kerana, sesuatu kerjasama yang dipersetujui, semua perkara perlu jelas termasuk komunikasi baik, nilai persahabatan, ketelusan, sikap terbuka, membantu dan tidak menghalang kepada proses perbincangan. Gabungan politik yang dibentuk perlu mengambil kira banyak perkara sebelum sesuatu kerjasama dilakukan. Ia termasuk pembahagian kerusi agar tidak berlakunya pertembungan. Sebagai contoh, UMNO dan PAS sebagai lawan pada pilihan raya lalu perlu menjalankan rundingan, perancangan, tolak ansur dan pembahagian kerusi supaya tidak berlaku pertembungan yang boleh menjejaskan kedudukan mereka.

#### 4.2.2 Pendapat umum mengenai pernyataan “Kerjasama Antara Parti Politik”

Kerjasama antara parti politik dilihat mampu membentuk perpaduan. Berita Harian *Online* (2020) menyatakan bahawa parti yang paling awal iaitu UMNO dan MCA melakar kerjasama dalam Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur 1952. Kemuncaknya penubuhan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO-MCA-MIC pada 1954. Namun, inisiatif perpaduan menerusi kerjasama politik bukan mudah. Tolak ansur politik atau *quid pro quo* dalam kalangan pemimpin politik menyebabkan Parti Perikatan mendapat mandat besar rakyat dalam Pilihan Raya Persekutuan pertama pada 27 Julai 1955. Pendapat umum mengenai kerjasama antara parti politik dapat dirujuk pada Jadual 3. Pendapat umum mengenai kerjasama antara parti politik iaitu ‘Pemulihan ekonomi memberi peluang kerjasama politik itu terjalin’ mencatat nilai peratusan yang tertinggi iaitu 86 peratus bersetuju dengan kenyataan tersebut (Lihat Jadual 3). Hal ini kerana gabungan parti politik dilihat mampu memberi sumbangan yang lebih besar khususnya untuk negeri lebih-lebih lagi baru melepasi zaman COVID-19 yang banyak menjejaskan sektor ekonomi. Oleh itu, ia menjadikan pilihan terbaik untuk berdamai sekali gus mampu mengukuhkan saling kerjasama parti.

JADUAL 3. Pendapat umum mengenai pernyataan “Kerjasama Antara Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Kerjasama Antara Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Pemulihan ekonomi memberi peluang kerjasama politik itu terjalin.	86	6	8
2.	Perpaduan rakyat menyebabkan wujudnya kerjasama antara parti politik.	86	6	8
3.	Sikap terbuka, pentingkan perdamaian dan ingin memudahkan urusan antara parti politik dapat mewujudkan kerjasama antara parti politik.	86	8	6
4.	Keutamaan kebajikan rakyat menjadi penyebab kepada wujudnya jalinan kerjasama antara parti politik	80	10	10
5.	Isu pembangunan petempatan terutama masalah air menjadi faktor terbukanya kerjasama politik dijalinan.	70	14	16

*Sumber: Soal selidik 2022*

Seterusnya, pernyataan ‘Perpaduan rakyat yang mewujudkan kerjasama antara parti politik’ mencatatkan 86 peratus. Semua parti politik wajar membentuk kerjasama untuk menubuhkan sebuah kerajaan perpaduan yang dipimpin Ahli Parlimen yang boleh diterima semua pihak. Permuafakatan politik ini menjadi tapak integrasi parti politik yang mewakili kaum tertentu untuk meminggirkan kepentingan mereka dan mencapai persefahaman mewakili kesejahteraan rakyat Malaysia.

Selain itu, pernyataan ‘Sikap terbuka, pentingkan perdamaian dan ingin memudahkan sebarang urusan yang mewujudkan kerjasama antara parti politik’ juga mencatatkan 86 peratus. Kerjasama penubuhan Muafakat Nasional (MN) meletakkan kepentingan penyatuan ummah melebihi kepentingan politik. MN adalah penyatuan ummah dengan tidak menghadkan kerjasama dengan UMNO, tetapi sebaliknya dengan mana-mana pihak yang mempunyai matlamat sama untuk memupuk perpaduan dalam kalangan umat Islam dan Melayu.

#### 4.2.3 Pendapat umum mengenai pernyataan “Faktor Kerjasama Politik Antara Parti Politik”

Bahagian ini membincangkan faktor kerjasama politik antara parti politik yang boleh memupuk lagi keharmonian politik di Kelantan. Analisis pendapat umum mengenai faktor kerjasama parti politik ini dapat dilihat pada Jadual 4. Berdasarkan Jadual 4, peratusan yang tertinggi bagi faktor kerjasama antara parti politik adalah ‘Untuk membentuk kesatuan ummah Melayu dan Islam’ iaitu 88 peratus. PAS menyatakan bahawa penyatuan ummah adalah lebih besar daripada penyatuan politik kepartian atau kerjasama politik dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Oleh sebab itu, PAS

cuba mempertahankan piagam MN bersama UMNO walaupun mengetahui terdapat penolakan UMNO hasil penerimaan PAS terhadap PN. Selaras dengan kedua-dua parti ini mempunyai sokongan Melayu yang kuat, kebersamaan, keperluan dan hak untuk UMNO dan PAS duduk semeja adalah memperjuangkan hak Islam sebagai agama persekutuan dan bahasa adalah wajar.

JADUAL 4. Pendapat umum mengenai pernyataan “Faktor kerjasama antara parti politik” (Peratus)

Bil.	Faktor Kerjasama Politik Antara Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Untuk membentuk kesatuan ummah Melayu dan Islam.	88	4	8
2.	Untuk menunjukkan nilai akhlak terpuji dalam hidup bermasyarakat.	86	6	8
3.	Untuk memudahkan penyelarasan projek pembangunan di sesuatu kawasan dalam keadaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berbeza aliran fahaman politik.	82	6	12
4.	Untuk mengelakkan perpecahan besar dalam masyarakat	80	10	10
5.	Supaya mudah mendapat penyertaan dan kerjasama semua pihak dalam pengajuran sesuatu program	74	14	12
6.	Untuk membentuk kuasa politik yang lebih kuat berbanding lawan.	74	16	10
7.	Untuk mengurangkan jumlah musuh politik dan menambahkan rakan politik.	74	14	12
8.	Untuk membentuk kuasa politik yang lebih kuat berbanding lawan.	74	14	12
9.	Untuk melupakan kisah silam serta mara ke hadapan.	62	18	22
10.	Untuk melembutkan hati penyokong tegar yang ‘keras hati’	60	22	12
11.	Untuk mendapat maklumat tertentu dalam parti politik lawan.	52	28	30

---

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, peratusan kedua tertinggi adalah ‘Untuk menunjukkan nilai akhlak terpuji dalam hidup bermasyarakat’ sebanyak 86 peratus. Politik baharu berteraskan nilai jujur yang berkembang dalam kalangan rakyat hari ini sepatutnya diraikan ahli politik, terutama berorientasikan agama. Rakyat sekarang kalau dilihat mula menolak pembawaan sentimen melagakan perkauman dan agama dalam politik. Dengan itu, tahap kematangan politik rakyat semakin meningkat dan luasnya nilai politik jujur, rakyat lebih mementingkan ahli politik ikhlas, amanah dan gigih menyempurnakan tanggungjawab terhadap rakyat dan negara.

Tambahan lagi, untuk mengelakkan perpecahan besar dalam masyarakat merupakan persetujuan ketiga tertinggi dengan 80 peratus. Kalau diimbak kembali, kekalahan BN pada PRU-14 telah banyak membangkitkan rasa marah dan kecewa rakyat terhadap pemimpin. Kesannya, dari peristiwa ini wujud sikap toleransi yang ingin bergabung untuk mencapai satu matlamatnya. Setiap orang mempunyai peranan masing-masing untuk menyatukan Malaysia berdasarkan nilai murni diajar semua agama dan kaum dan bukannya mengamalkan dan mengeksploitasi sentimen etnik.

#### *4.2.4 Kerjasama politik antara PAS dan UMNO melalui piagam Muafakat Nasional perlu dipertahankan*

Pembentukan piagam Muafakat Nasional yang dimeterai pada 2019 antara UMNO dan PAS setelah berlalunya PRU-14 memperlihatkan banyak persetujuan membentuk kerjasama dengan mengembangkan naratif Islam dan Melayu tanpa menafikan kepelbagaian agama, kaum dan budaya. Pembentukan Muafakat Nasional yang telah dilaksanakan ini diharap membawa agenda penyatuan ummah bagi mensejahterakan Malaysia yang majmuk. Namun, beberapa tidak kekal lama apabila wujud isu “talam dua muka” yang disadarkan oleh UMNO terhadap PAS telah menamatkan perjanjian MN tersebut.

Hasil tinjauan mendapati bahawa hampir separuh responden bersetuju untuk pengekal piagam Muafakat Nasional ini dengan 60 peratus. PAS dan UMNO masing-masing mempunyai kekuatan yang tersendiri dan mempunyai populasi penyokong Melayu dan Islam yang kuat. Pembentukan piagam MN dilihat menjadi satu medium untuk mengukuhkan kedudukan parti Melayu dan Islam. Kerjasama PAS dan UMNO yang dibentuk atas dasar politik identiti dan menolak dasar rentas kaum sebagai satu ancaman kepada Melayu dan Islam akan menjadikan persaingan politik di antara dua gabungan permuafakatan politik iaitu PH dan PN menarik dalam Pilihan Raya Umum ke-15.

Bagi pendapat peribadi temu bual bersama En. Faizuddin Mohd Yusoff (Setiausaha PKR Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Kalau pendapat peribadi saya sendiri, MN ini dibentuk selepas PRU-14 dimana PAS dan UMNO bergabung. Hasil daripada gabungan tersebut, dapat lihat mereka mampu memenangi 7-0 dalam PRK pasca PRU 2018. Dari sini dapat lihat yang pengundi suka salah satunya ada penyatuan Melayu dan Islam. Dua elemen ini disatukan dalam MN. Tapi sekarang MN ini sendiri nak kata dah terubur tapi belum lagi tapi masing-masing ada hujah sendiri. Bagi saya sebagai orang biasa, melihat ini sangat perlulah untuk penyatuan Melayu khususnya.”

(En. Faizuddin Mohd Yusoff, 23 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual bersama En. Che Mansor Adabi Che Hassan (Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan), beliau berpendapat

“Atas nama Muafakat Nasional, PAS dan UMNO kito keno bersetuju untuk umat Islam, bangsa dan agama. Tetapi kita kena tengok dari segi pendirian parti itu sendiri. Contoh, kito tengok PAS, sejauh

mano dio akur dengan perjanjian Muafakat Nasional sebab ado bendo yang UMNO alergik dan ado bendo PAS pun alergik. Katakanlah hari ini UMNO mengajak Husam Musa *combine* dengan Amanah, bersama UMNO nok tanding untuk kerajaan Malaysia, PAS mesti dok setuju. Begitu jugo dengan PAS, hari ini PAS berbaik dengan BERSATU. Walaupun kito tahu BERSATU parti Melayu jugo tapi kito keno tahu dio serpihan daripada UMNO dan buat parti BERSATU untuk menggantikan UMNO. Jadi macam mano UMNO nak terima BERSATU. Kini, PAS telah pun berdaftar bersama BERSATU. Jadi pada hari ini, UMNO tidak bersetuju dengan sikap PAS sebab PAS menerima. Kalu PAS menolak BERSATU, *anytime* UMNO akan bersetuju semula”.

(En. Che Mansor Adabi Che Hassan, 24 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Ahmad Sofian Ghazi (Pegawai Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Kalau tengok pimpinan asal UMNO ini, dio bergabung sebab atas dasar orang Melayu, Islam dan kito tengok gabungan bila Melayu bersatu tapi Malaysia ni Melayu yang berpecah parti. Jadi ia tidak boleh lah nok menguasai majoriti Melayu dan Islam. Dalam MN sendiri pun semua Melayu sajo tapi untuk BN, dio ado pakatan sendiri seperti MIC dan MCA. Tengok kepada keadaan politik sekarang, elok bersatulah sebab jika dok bersatu walaupun UMNO/BN menang pun peluang tetap tipislah. Nanti nok bertanding pun akan susah sebab akan wujud banyok penjuru samo ado 3 atau 4 penjuru.”

(Ustaz Ahmad Sofian Ghazi, 29 Mac 2022)

### **4.3 *Impak Krisis dan Kerjasama Parti Politik***

Bagi sesuatu krisis dan kerjasama parti politik yang dijalinkan, akan ada impak tertentu sama ada impak baik ataupun impak buruk. Impak tersebut tidak hanya merangkumi kepada parti dan pemimpin akan tetapi turut memberi kesan kepada pengundi, negeri dan negara Malaysia sendiri.

#### **4.3.1 *Impak/kesan krisis dalaman parti politik terhadap sokongan pengundi kepada parti politik***

Krisis dalaman yang berlarutan dilihat banyak memberi impak buruk terutamanya kepada parti sendiri. Pengundi dan masyarakat setempat turut serta akan menerima tempias impak tersebut. Salah satu impaknya adalah berlakunya perpecahan dalam parti politik. Perpecahan parti politik ini akan mengakibatkan gangguan terhadap sokongan pengundi terhadap parti. Sebagai contoh, PKR akan mengalami kesukaran untuk memberikan saingan sengit kepada UMNO dan BN bagi PRU-15 yang akan datang jika PKR ini gagal menangani isu perpecahan dalaman di peringkat akar umbi (Berita Harian *Online* 2022). Perpecahan ini akan mengakibatkan penurunan sokongan pengundi akan berlaku dan impak besar seperti zaman PRU-14 tidak mampu dilakukan.

Selain itu, impak kedua dapat dilihat bahawa parti akan mengalami hilang kepercayaan pengundi akibat kegagalan untuk mengurus dan mentadbir dengan baik. Hilang undi percaya ini telahpun pernah dilalui oleh pengundi apabila kegagalan mengurus dan memerintah Malaysia dengan baik semasa pemerintahan 22 bulan dibawah pimpinan Tun Dr. Mahathir, Pakatan Harapan (PH). Kegagalan pemerintahan tersebut telah membuka banyak mata pengundi bahawa PH pada ketika itu menyebabkan ekonomi negara semakin teruk dan melepaskan jawatan memerintah ketika Malaysia bergelut dengan wabak COVID-19 pada ketika itu.

Seterusnya, impak ketiga dapat dilihat melalui keyakinan pengundi terhadap calon dan pemimpin yang diperkenalkan. Pengundi sudah jemu dengan sikap lepas tangan pemimpin sama ada pemimpin di peringkat bawah ataupun atasan. Kegagalan kerajaan dalam menguruskan banjir yang dilanda kawasan Lembah Klang membuatkan mula membangkitkan kemarahan rakyat apabila



tindakan yang lambat dalam proses menyelamatkan dan menghulurkan bantuan buat mangsa. Bahkan terdapat segelintir pemimpin yang tidak turun padang untuk meninjau keadaan rakyatnya. Kesan daripada banjir tersebut mampu memperlihatkan bahawa kerajaan seharusnya menumpukan kepada penyelenggaraan, bukan sekadar memberi tumpuan untuk melaksanakan projek baharu.

Berdasarkan temu bual yang bersama En. Faizuddin Mohd Yusoff (Setiausaha PKR Negeri Kelantan), beliau berpendapat bahawa:

“Pandangan saya, ada dua golongan yang saya tengok. Pertama, mereka yang terdiri daripada golongan penyokong tegar dimana jika berlaku krisis dalaman pun mereka akan terima tanpa memikirkannya je tanpa memikirkan *pro* dan *contra*. Tapi pengundi atas pagar, mereka akan melihat ini sebagai satu baik atau buruk. Jadi mereka akan fikir sama ada benda ini akan merugikan mereka atau pun tidak lihat pada isu yang dibawa. Kadang-kadang kalau isu atau calon yang diletak tu boleh membaik tapi krisis dalaman pula boleh memecahkan parti, ia akan beri imej buruk kepada pengundi. Pengundi akan tengok benda tu.”

(En. Faizuddin Mohd Yusoff, 23 Mac 2022)

#### 4.3.2 Pendapat umum mengenai pernyataan “Impak Krisis Dalaman Parti Politik”

Bahagian ini membincangkan impak krisis dalaman parti politik sama ada baik atau pun buruk. Analisis pendapat umum mengenai impak krisis dalaman parti politik ini dapat dilihat pada Jadual 5. Impak utama krisis dalaman parti politik ini adalah ‘Mewujudkan imej buruk oleh pengundi terhadap parti tersebut’ dengan peratusan bersetuju sebanyak 96 peratus. Imej buruk ini dapat dilihat melalui tindak-tanduk pengundi iaitu pengundi antara salah satunya adalah dengan menyatakan perkara tidak masuk akal berkenaan parti tersebut melalui media sosial *online* seperti di *Facebook*, *WhatsApp* dan *Youtube*. Hal ini dilihat tidak bagus sekali gus akan menjatuhkan imej parti tersebut.

JADUAL 5. Pendapat umum mengenai pernyataan “Impak Krisis Dalaman Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Impak Krisis Dalaman Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Mewujudkan imej buruk oleh pengundi terhadap parti politik tersebut	96	2	2
2.	Parti politik tersebut akan akan berpecah dan terubur	94	4	2
3.	Tidak diyakini oleh pengundi	92	2	6
4.	Boleh mewujudkan pergaduhan seterusnya jenayah dalam kalangan pimpinan dan ahli parti politik tersebut	82	10	10
5.	Boleh merencatkan/menjejaskan urusan parti dan ahli parti	82	4	14

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, impak kedua dengan peratusan sebanyak 94 peratus iaitu ‘Parti politik tersebut akan berpecah dan boleh terubur’. Peristiwa ini dapat dilihat dimana pembubaran DUN dilakukan di PRN Melaka (Sinar Harian 2021). Pembubaran itu berlaku berpunca daripada kemelut krisis politik di negeri tersebut iaitu empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah mengumumkan hilang kepercayaan terhadap Sulaiman dan pada masa sama meminta perkenan untuk pembubaran DUN dilakukan.

#### 4.3.3 *Impak/kesan kerjasama antara parti politik terhadap sokongan pengundi kepada parti politik*

Jalinan kerjasama antara parti politik dilihat banyak memberi manfaat kepada parti itu sendiri termasuk buat pengundi. Kerjasama yang dijalinan bukan ditumpukan kepada satu negeri bahkan dalam konteks yang luas melibatkan Kerajaan Persekutuan. Salah satu impak daripada kerjasama yang dilakukan adalah memperlihatkan sokongan kuat pengundi terhadap parti. Malaysia sememangnya mempunyai pengundi yang ramai daripada kaum Melayu. Jadi tidak hairan, orang Melayu ini menyambut baik hasil kerjasama MN antara PAS dan UMNO dalam memperkukuhkan pentadbiran Melayu dan Islam. Kemenangan hasil daripada MN ini dapat dilihat melalui kemenangan UMNO/BN bagi PRK DUN Slim. Astro Awani (2020) menyifatkan kejayaan tersebut amat bermakna terhadap Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional, yang menandakan penerimaan rakyat pelbagai kaum di kawasan bandar dan luar bandar, sekali gus menuntut untuk terus mengukuhkan perpaduan dan memberikan khidmat yang terbaik demi kesejahteraan negara dan rakyat.

Selain itu, kerjasama yang dilakukan menunjukkan pembangunan dan kebajikan masyarakat lebih mudah untuk dilakukan. Kerjasama antara kerajaan dengan blok pembangkang dilihat mampu memulihkan ekonomi dan sektor kesihatan dengan lancar. Kerjasama itu bukan sahaja akan membawa kebaikan dari sudut politik, malah manfaatnya akan diterjemahkan dalam aspek pemulihan negara pasca COVID-19 semasa Malaysia aktif melawannya. Kerjasama ini akan sekurang-kurangnya membawa keamanan dalam negara, menjernihkan seketika konflik politik dan sekali gus memberikan kerajaan ruang untuk fokus sepenuhnya terhadap memberi khidmat kepada rakyat.

Di samping itu, pengukuhan parti dapat dilaksanakan hasil daripada jalinan kerjasama politik ini. Perubahan terbesar UMNO dapat dilihat apabila ia mahu bekerjasama dengan seteru lama iaitu PAS menerusi Muafakat Nasional (MN) dan bergabung dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) membentuk Kerajaan Perikatan Nasional (PN). Dua kerjasama itu memperlihatkan UMNO adalah sebuah parti terbuka dan bersedia untuk berubah. Walaupun ada yang skeptikal melihat ia berlaku ketika UMNO sudah hilang taringnya, sekurang-kurangnya UMNO cepat sedar dan pantas bangkit membina kekuatan baharu. Hal ini disebabkan oleh amat sukar bagi mana-mana parti politik bergerak bersendirian tanpa ada pakatan strategik ketika pilihan raya. Oleh itu, peluang yang ada digunakan sebaik mungkin untuk memperkukuhkan kembali kedudukannya dalam politik Malaysia.

#### 4.3.4 *Pendapat umum mengenai pernyataan “Impak Kerjasama Antara Parti Politik”*

Bahagian ini membincangkan impak kerjasama dalaman parti politik yang dilihat sedikit sebanyak telahpun berhasil. Analisis pendapat umum mengenai impak kerjasama dalaman parti politik ini dapat dilihat pada Jadual 6. Berdasarkan Jadual 6, dapat dilihat bahawa kerjasama politik yang dilakukan mempunyai impak yang tersendiri. Peratusan paling tinggi adalah pernyataan ‘Wujud permuafakatan antara pemimpin dan parti dalam menjaga kepentingan masyarakat’ iaitu 96 peratus.

Apabila terdapat sedikit salah faham, perbincangan dan pertukaran pendapat adalah penting bagi mengambil kesempatan untuk bermuafakat bagi mendapatkan penyelesaian terbaik kepada semua perkara. Contoh dapat dilihat melalui Utusan Borneo (2017), pemuda BN Sarawak berpendirian bahawa semangat saling menghormati dan permuafakatan antara pemimpin dalam parti komponen harus diutamakan dengan sebarang perbezaan pendapat mestilah diselesaikan dalam saluran parti yang harmoni.

JADUAL 6. Pendapat umum mengenai pernyataan “Impak Kerjasama Antara Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Impak Kerjasama Antara Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Wujud permuafakatan antara pemimpin dan parti dalam menjaga kepentingan masyarakat.	96	4	0
2.	Kestabilan politik di kawasan ini membolehkan tumpuan diberikan kepada pembangunan fizikal dan kerohanian sebaiknya.	96	2	2
3.	Keutuhan perpaduan politik antara pemimpin didasari oleh sokongan ahli akar umbi.	90	6	4
4.	Kerjasama politik mampu mewujudkan kerjasama rentas parti dengan mengamalkan budaya politik matang dan profesional.	82	12	6
5.	Sokongan rakyat kepada gabungan parti politik akan menjadi lebih kukuh seandainya jalinan kerjasama berjaya diwujudkan	82	8	10

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, impak kerjasama kedua tertinggi adalah ‘Kestabilan politik di kawasan ini membolehkan tumpuan diberikan kepada pembangunan fizikal dan kerohanian sebaiknya’ iaitu 96 peratus. Kawasan Parlimen Kota Bharu sudah mempunyai tolak ansur antara kaum iaitu dengan terdapatnya kawasan perkampungan dan perniagaan aktiviti khususnya buat masyarakat Cina iaitu di Dataran Cheng-Ho. Kawasan Dataran Cheng-Ho ini bukan saja menjadi medium buat perniagaan malah menjadi sumber aktiviti keagamaan buat kaum tersebut. Kawasan ini memberi gambaran bahawa walaupun Kelantan di bawah pemerintahan PAS, aktiviti keagamaan tidak hanya terhad buat masyarakat Melayu sahaja. Masyarakat Cina turut bebas menjalankan aktiviti keagamaan mereka seperti masyarakat Melayu aktiviti keagamaan yang dilakukan di Pusat Bandar Kota Bharu.

## 5. Rumusan dan Cadangan

### 5.1 Rumusan

Secara keseluruhannya, krisis dan isu dalaman perlu ada bagi setiap parti politik bagi memantapkan dan meningkatkan mutu pemerintahan mereka. Tadbir urus yang baik serta jalinan kerjasama yang dilakukan boleh diteruskan bagi menyokong perpaduan khususnya antara PAS dan UMNO yang sama-sama mempunyai penyokong daripada masyarakat Melayu yang ramai. Dalam keadaan sekarang, PAS lebih kuat, berwibawa dan terbukti dapat mentadbir Kelantan namun tidak dapat dinafikan jika masalah dalaman dan isu semasa tidak diselesaikan, mungkin peralihan kuasa akan berlaku tanpa disangka-sangka kerana politik itu dinamik dan serba mungkin.

### 5.2 Cadangan

Cadangan yang diharapkan bagi pemerintahan Malaysia, khususnya buat PAS, untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang seterusnya menguasai pemerintahan di beberapa buah negeri atau pun membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan, PAS harus mendapat sokongan daripada etnik lain seperti Cina, India dan etnik lain. Dalam negara pelbagai etnik, PAS memerlukan sokongan daripada pelbagai etnik dan bukannya daripada fokus Melayu sahaja. Formula ini telah dipraktikkan oleh BN dan terbukti kejayaannya apabila BN menguasai Kerajaan Persekutuan sejak pilihan raya pertama selepas kemerdekaan iaitu pilihan raya umum 1959. PAS juga seharusnya berusaha dengan lebih gigih mendekati kelompok pengundi Cina dan India dan berusaha memecahkan tembok pemisah antara mereka.

## Rujukan

- Afif Basharudin. (2021). Malaysia *Dateline*. Hentikan Sikap Angkuh, Sombong Kerajaan PAS di Kelantan. <https://malaysiadateline.com/hentikan-sikap-angkuh-sombong-kerajaan-pas-di-kelantan/>. 29 Mac [5 Jun 2022].
- Astro Awani. (2014). Pemuda PAS Tegur Kegagalan Parti Urus Krisis dalam Parti. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pemuda-pas-tegur-kegagalan-parti-urus-krisis-dalam-parti-44067> 16 September [2 Jun 2022].
- Astro Awani. (2020). Kemenangan BN Bermakna Buat MN dan PN - Presiden PAS <https://www.astroawani.com/berita-politik/kemenangan-bn-bermakna-buat-mn-dan-pn-presiden-pas-257322>. 29 Ogos [4 Jun 2022].
- Azhar Ahmad, Jayum Jawan & Azmi Awang. (2012). Konflik Selatan Thailand pasca Thaksin Shinawatra. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 39(2): 73-95.
- Berita Harian *Online*. (2015). Perbezaan Pendapat Cetus Konflik Politik. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/12/106094/perbezaan-pendapat-cetus-konflik-politik>. 18 Disember [8 Jun 2022].
- Berita Harian *Online*. (2020). Perpaduan Rakyat Citra Pembangunan Negara Bangsa. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/714278/perpaduan-rakyat-citra-pembangunan-negara-bangsa>. 24 Julai [9 Jun 2022].
- Berita Harian *Online*. (2022). PKR Perlu Urus Perpecahan Dalaman-Penganalisis. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2022/05/953445/pkr-perlu-urus-perpecahan-dalaman-penganalisis>. 9 Mei [10 Jun 2022].

- Chua Siew Yoon. (2000). Geopolitik peranakan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dewi Nur Harasha Alias. (2020). *Astro Awani*. Kerjasama Politik: Cari Jalan Pertemuan Demi Perpaduan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjasama-politik-cari-jalan-pertemuan-demi-perpaduan-azmin-253660>. 2 Ogos [10 Jun 2022].
- En. Faizuddin Mohd Yusoff (Setiausaha PKR Negeri Kelantan). (2022). Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 23 Mac.
- En. Che Mansor Adabi Che Hassan (Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan). (2022). Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 24 Mac.
- Hassan Harun. (1999). *Kelantan Rakyat Dinamik Negeri Semakin Ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd.
- Harakahdaily. (2022). Jiwa Besar PAS Kelantan. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/03/29/jiwa-besar-pas-kelantan/> 29 Mac [4 Jun 2022].
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2015). Pengaruh media terhadap pilihan parti politik dalam kalangan mahasiswa Universiti Awam di Lembah Klang. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 11-22.
- Junaidi. (2021). Keterlibatan Amerika Serikat dalam demonstrasi pro demokrasi di Hong Kong. *Jurnal Ilmu Hubungan Internasional* 9(1): 60-73.
- Mat Zin Mat Kib. (2011). Sumbangan Sabah Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12: Relevansi Politik Pembangunan. *Jurnal Melayu* 6: 105-120.
- Mohammad Agus Yusoff. (1994). Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990. *Terbitan Tidak Berkala Dunia Melayu No. 13*. Bangi: Penerbitan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.
- Mohd Hisyam Mohd Salleh. (2018). Nomadisme - Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14. Latihan Ilmiah. Pusat Pengajian Sejarah, Politik, dan Strategi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Internet Tanjong Mas. (2021). Komuniti. <http://tanjungmas.pjk.com.my/index.php/warga-pilm/komuniti/172-komuniti> [3 Jun 2022].
- Samsiyah Ismail. (1996). Tingkah Laku Pengundi Bandar dan Luar Bandar Bagi Pilihan Raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sinar Harian. (2021). PN Kesal Krisis Politik Melaka Hingga DUN Terbubar. <https://www.sinarharian.com.my/article/165294/BERITA/Nasional/PN-kesal-krisis-politik-Melaka-hingga-DUN-terbubar>. 5 Oktober [12 Jun 2022].
- Ustaz Ahmad Sofian Ghazi (Pegawai Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan). (2022). Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 29 Mac.
- Yulia Sugandi. (2008). *Analisis Konflik dan Rekomendasi Kebijakan Mengenai Papua*. Jakarta: Penerbit Universitas Jayabaya.